

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
(KAPAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.03.2015

Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY [KAPAR] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) jumlah cukai yang dibayar oleh 25 terkaya di Malaysia menurut senarai warga Malaysia terkaya Forbes tahun 2014; dan

(b) butiran syarikat-syarikat berserta nama pengarah dan seumpamanya yang diberikan kontrak perkhidmatan berkaitan dengan pelaksanaan cukai GST.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, maklumat pembayar cukai pendapatan seperti jumlah pendapatan, perbelanjaan dan cukai yang dibayar adalah tertakluk kepada kerahsiaan dibawah seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang menghalang Kerajaan daripada mendedahkan maklumat pembayar cukai pendapatan kepada mana-mana pihak.

2. Aspek kerahsiaan maklumat pembayar cukai ini bertujuan untuk menjaga kepentingan pembayar cukai dan keyakinan mereka kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) bahawa maklumat peribadi mereka sentiasa disimpan dan dilindungi dengan rapi.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Berhubung dengan GST, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah melantik beberapa buah syarikat bagi menjalankan perkhidmatan berikut:-

- i. Pembangunan sistem perkomputeran GST (dikenali dengan nama MyGST);
 - ii. Agen bayaran balik GST di bawah Skim bayar Balik Pelancong atau *Tourist Refund Scheme*; dan
 - iii. Program promosi dan publisiti GST.
4. Pelantikan syarikat terbabit berdasarkan proses perolehan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.